



TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PUSAT PEJABAT-PEJABAT KERAJAAN
MASJID TANAH
TARIKH: 2 APRIL 2021 (JUMAAT) , MASA: 10.00 PAGI
DI BANGUNAN TABUNG HAJI, MASJID TANAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat
Bahagia, Menggamit Dunia.

**YANG BERHORMAT DATUK SERI AB RAUF BIN YUSOH,
SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI MELAKA;**

**YANG BERHORMAT DATUK SERI DR. HASIM BIN
HASAN,
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI MELAKA;**

**YANG BERHORMAT AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT
KERAJAAN NEGERI MELAKA;**

**YANG BERHORMAT AHLI-AHLI DEWAN UNDANGAN
NEGERI MELAKA;**

**YANG BERUSAHA KETUA-KETUA JABATAN NEGERI
DAN AGENSI PERINGKAT NEGERI DAN PERSEKUTUAN;**

**YANG BERBAHAGIA DATUK SERI, DATUK-DATUK,
DATIN-DATIN, DIF-DIF KEHORMAT, RAKAN-RAKAN
MEDIA; SERTA**

**SEMUA HADIRIN DAN HADIRAT, YANG TIDAK DAPAT
SAYA SEBUTKAN NAMA SATU PERSATU. TETAPI ITU
TIDAK SEDIKIT PUN MENGURANG DAN HILANG
HORMAT SERTA KASIH SAYANG SAYA KEPADA ANDA
SEMUA.**

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya jua, maka dapat kita sama-sama hadir di Majlis Perasmian Pusat Pejabat-pejabat Kerajaan Masjid Tanah pada hari yang berbahagia ini.
2. Terlebih dahulu, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Ketua Menteri Melaka selaku penganjur, kerana menjemput saya untuk merasmikan

pembukaan Pusat Pejabat-pejabat Kerajaan Masjid Tanah yang bakal beroperasi kelak.

3. Setinggi-tinggi penghargaan juga saya ucapkan kepada semua yang turut hadir pada hari ini, sama ada secara bersemuka mahupun yang menyaksikan majlis ini secara dalam talian. Kita perlu sentiasa ingat, walaupun negeri kita berada dalam Perintah Kawalan Pegerakan Pemulihan (PKPP), namun, kita masih perlu mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah dikuatkuasakan sehingga wabak ini menemui noktah dalam kehidupan seharian kita.

Saudara dan saudari yang saya hormati,

LATAR BELAKANG PENUBUHAN PERASMIAN PUSAT PEJABAT-PEJABAT KERAJAAN MASJID TANAH

4. Sukacita untuk saya maklumkan bahawa, Kerajaan Negeri Melaka melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) yang bersidang pada **5 Ogos 2020** yang lalu telah bersetuju meluluskan cadangan penubuhan daerah penuh yang baharu iaitu Daerah Masjid Tanah yang melibatkan keseluruhan kawasan Parlimen Masjid Tanah.

5. Selaras dengan keputusan MMKN tersebut, Kerajaan Negeri Melaka telah bersetuju untuk mewujudkan Pejabat Operasi Daerah Masjid Tanah dan Pusat Pejabat-pejabat Kerajaan Masjid Tanah yang memfokuskan ke arah memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat di kawasan Parlimen Masjid Tanah ini.

6. Saya yakin, rasional penubuhan Pusat Pejabat-pejabat Kerajaan Masjid Tanah ini selari dengan perkembangan pembangunan di sini, selain dapat membantu Kerajaan Negeri sebagai satu agensi yang dapat menyalurkan maklumat kepada rakyat

mengenai dasar yang telah diwujudkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dengan lebih baik dan berkesan.

7. Pada asalnya, Daerah Alor Gajah dinaungi oleh sembilan (9) Dewan Undangan Negeri (DUN). Berdasarkan perkembangan terkini, persempadanan Daerah Masjid Tanah adalah meliputi lima (5) DUN sahaja. Oleh itu, agihan antara kedua-dua daerah ini iaitu Masjid Tanah dan Alor Gajah, masing-masing dijangka dapat memberikan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan yang lebih efisien, cekap dan tersusun.

8. Justeru, satu Memorandum Jemaah Menteri juga akan diangkat untuk memohon Jemaah Menteri menimbang dan bersetuju dengan cadangan Kerajaan Negeri Melaka untuk mewujudkan Daerah Masjid Tanah sebagai satu lagi daerah baharu di Negeri Melaka.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

OBJEKTIF PENUBUHAN DAERAH MASJID TANAH

9. Pada ketika ini, Negeri Melaka memiliki **tiga (3)** buah Pejabat Daerah dan Tanah iaitu **Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah, Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah** serta **Pejabat Daerah dan Tanah Jasin** yang diketuai oleh Pegawai Daerah. Cadangan penubuhan daerah baharu ini adalah bagi menyediakan kemudahan perkhidmatan dan pembangunan yang efisien kepada komuniti setempat. Suka untuk saya nyatakan bahawa, kewujudannya tidak akan menjumudkan daerah dan

pusat pentadbiran Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah sedia ada.

10. Untuk makluman semua, penubuhan Daerah Masjid Tanah ini berasaskan lima (5) objektif utama yang akan menjadi hala tuju kepada penubuhan daerah baharu ini. **Pertama**, adalah untuk memastikan perkhidmatan yang lebih baik dan cepat melalui perkhidmatan Kerajaan Negeri dan Persekutuan.
11. **Kedua**, mempercepatkan fokus pelaksanaan projek-projek pembangunan yang dirancang, khususnya projek-projek mega. **Ketiga**, memberi fokus menerusi

peruntukan projek-projek kecil melalui Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN). **Keempat,** menyeimbangkan pembangunan Daerah Masjid Tanah agar selari dengan pembangunan dalam kawasan lain di Negeri Melaka. **Kelima dan terakhir,** merencanakan pembangunan kawasan bersempadan antara Negeri Melaka dan Negeri Sembilan melalui Kuala Linggi dan Port Dickson.

Saudara dan saudari sekalian,

CADANGAN PERSEMPADANAN DAERAH MASJID TANAH

12. Saya tahu, pasti ada yang tertanya-tanya mengenai persempadanan Daerah Masjid Tanah ini. Jangan risau, kerana sempadan pentadbiran yang jelas telah dibuat berdasarkan kepada sempadan Parlimen Masjid Tanah untuk memudahkan pengurusan kawasan ini kelak.
13. Umum mengetahui, Daerah Masjid Tanah merangkumi **lima (5) kawasan DUN iaitu DUN Lendu, DUN Kuala Linggi, DUN Ayer Limau, DUN Tanjung**

Bidara dan juga DUN Taboh Naning. Daerah Masjid Tanah meliputi kawasan seluas **32,620 hektar** dan masih terletak di bawah Pentadbiran Majlis Perbandaran Alor Gajah.

14. Jumlah penduduk **di keseluruhan Daerah Alor Gajah adalah seramai 215,000 orang penduduk** yang merangkumi **108,203 orang penduduk Daerah Masjid Tanah**, iaitu **50.3%** daripada keseluruhan penduduk Daerah Alor Gajah yang asal.

Saudara dan saudari yang dikasihi sekalian,

HASIL PENDAPATAN DAERAH MASJID TANAH

15. Daerah Masjid Tanah mampu menyumbang kadar kutipan hasil yang sangat memberangsangkan. Difahamkan bahawa jumlah kutipan **hasil cukai tanah** dan lain-lain sehingga **31 Disember 2020** adalah sebanyak **RM6,114,807.40**. Sementara itu, hasil dari **cukai taksiran harta** Daerah Masjid Tanah pula adalah sebanyak **RM8,592,751.54**.
16. Justeru, pelbagai aktiviti dapat dilaksanakan seperti sumbangan kemasyarakatan, pembelian peralatan dan perkakasan bagi kegunaan awam serta

penyelenggaraan dewan serbaguna di daerah ini. Pastinya hasil yang telah berjaya dikutip, akan digunakan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan awam yang lain demi manfaat kesejahteraan masyarakat setempat.

PEMBANGUNAN EKONOMI DAERAH MASJID TANAH

17. Pada sudut yang lain, terdapat beberapa projek berimpak tinggi yang telah dan sedang dirancang untuk dilaksanakan di kawasan tersebut. Antaranya adalah Koridor Perindustrian Pantai Barat, Pembangunan Kawasan Lembah Linggi,

Pembangunan Pelancongan Tanjung Tuan serta Projek Lebuh Raya Pesisir Pantai dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) yang akan melalui kawasan Kuala Linggi – Masjid Tanah.

18. Selain daripada itu, Rancangan Fizikal Negara Ketiga (RFN3) yang baharu, telah mengangkat kawasan Kuala Linggi sebagai Pusat Katalis yang memberi fokus utama dalam aspek terminal maritim dan pusat tarikan pelancongan.

19. Justeru, projek-projek yang telah dirangka ini akan memberikan impak tinggi kepada transformasi ekonomi dan sosial penduduk setempat. Seterusnya, akan meningkatkan rangkaian perniagaan dan pertumbuhan ekonomi yang kukuh di kawasan Masjid Tanah. Keseluruhannya, Daerah Masjid Tanah sangat berpotensi tinggi untuk berkembang maju kerana mempunyai kawasan yang luas untuk dimajukan merangkumi bidang pelancongan, perindustrian, pertanian dan pelabuhan.

20. Kelak, apabila Pejabat Daerah Masjid Tanah ini telah mula beroperasi, pastinya ia akan menarik pelanggan dan potensi pelaburan dari dalam dan luar Negeri Melaka. Inilah peluang yang baik untuk mempromosikan produk-produk yang dimiliki oleh usahawan-usahawan di sekitar Masjid Tanah.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

PENUTUP

21. Cadangan mewujudkan Pejabat Operasi Daerah Masjid Tanah dan Pusat Pejabat-pejabat Kerajaan Masjid Tanah ini adalah sangat penting dalam usaha memastikan perkhidmatan yang lebih baik dan efisien dapat disampaikan terus kepada penduduk setempat khususnya, serta tidak dilupakan pelanggan dari luar Melaka amnya.
22. Oleh itu, pejabat-pejabat ini akan melaksanakan tanggungjawabnya sebagai sebuah jabatan yang akan menyampaikan maklumat terkini kepada penduduk

setempat setelah pewartaan Daerah Masjid Tanah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Melaka kelak.

23. Akhir kata, dengan lafaz kalimah mulia BismillahirRahmannirRahim, saya dengan sukacitanya, merasmikan Pembukaan Pusat Pejabat-pejabat Kerajaan Masjid Tanah.

Sekian,

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ